



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



## PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU BAS SEKOLAH

<http://permai2021.apad.gov.my>

[permai.bassekolah@apad.gov.my](mailto:permai.bassekolah@apad.gov.my) 03-26036600

### KRITERIA KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Pemandu memiliki Lesen Memandu Kelas D atau E atau kedua-duanya sekali yang masih dalam tempoh sahlaku
- iii. Pemandu memiliki Lesen Vokasional (PSV) yang masih sah dalam tempoh sahlaku dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- iv. Pemandu bekerja dengan syarikat yang memiliki Lesen Pengendali dan Permit kenderaan yang dalam tempoh sahlaku dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada 12 Januari 2021
- v. Pemandu bas sekolah yang bekerja dengan Badan Berkanun Persekutuan dan Badan Berkanun Negeri adalah tidak layak



[www.apad.gov.my](http://www.apad.gov.my)



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



## PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU BAS SEKOLAH

### SOALAN LAZIM

#### SOALAN 01

**Saya adalah penerima bantuan PRIHATIN tahun 2020, adakah saya masih layak untuk kali ini, Bagaimana saya perlu memohon?**

Ya, anda adalah LAYAK, selagi mana anda memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan dan tidak perlu membuat permohonan baharu. Pembayaran akan dibuat kepada pemandu secara auto kredit ke dalam akaun bank anda bermula **22 Februari 2021**

#### SOALAN 02

**Saya bukan penerima Bantuan PRIHATIN 2020 sebelum ini, Bolehkah saya memohon Bantuan PERMAI ini dan bagaimana cara bayaran dibuat?**

Bagi pemandu yang bukan penerima Bantuan PRIHATIN 2020 namun telah memenuhi kriteria kelayakan kali ini, boleh memohon dengan cara, mengarahkan syarikat pengendali perlu mendaftarkan nama mereka ke laman web <http://permai2021.apad.gov.my> bermula 19 Februari 2021. Pembayaran akan dibuat kepada pemandu yang layak secara auto kredit ke dalam akaun bank



[www.apad.gov.my](http://www.apad.gov.my)



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/channel/APADchannel)



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



### SOALAN 03

**Bagaimanakah cara syarikat mengisi maklumat yang diperlukan? Bolehkah pemandu mengisi sendiri maklumat?**

Pemandu tidak boleh mengisi maklumat sendiri. Hanya wakil majikan syarikat pengendali bas sekolah perlu melayari portal web <http://permai2021.apad.gov.my> untuk mengisi butiran syarikat serta butiran pemandu bas masing-masing termasuk nombor akaun bank pemandu.

### SOALAN 04

**Berapa lamakah masa yang diberi kepada syarikat untuk mengisi maklumat yang diperlukan?**

Wakil majikan perlu mengisi dan menghantar maklumat ke portal tersebut dalam tempoh 14 hari bermula 19 Februari 2021 sehingga 4 Mac 2021. Portal boleh diakses 24 jam setiap hari.



[www.apad.gov.my](http://www.apad.gov.my)



APAD.gov.my



APADchannel





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



### SOALAN 05

**Adakah semua syarikat bas sekolah boleh mengakses portal tersebut?**

Hanya syarikat pengendali bas sekolah yang memiliki Lesen Pengendali dan Permit Kenderaan yang masih dalam tempoh sahlaku dengan APAD pada 13 Januari 2021, boleh mengakses portal dengan mengisi nombor lesen pengendali syarikat.

### SOALAN 06

**Adakah semua pemandu yang diisi oleh syarikat di dalam portal akan mendapat bantuan secara automatik?**

Tidak, senarai pemandu akan disaring untuk memastikan kesemua kriteria kelayakan yang ditetapkan dipatuhi.

### SOALAN 07

**Bilakah pemandu bas sekolah akan menerima Bantuan PERMAI 2021 ini?**

Pemandu yang menerima Bantuan PRIHATIN 2020 sebelum ini serta menepati syarat kelayakan akan menerima bayaran secara auto-kredit ke dalam akaun anda **bermula 22 Februari 2021** . Bagi pemandu lain yang baru mendaftar akaun bank akan menerima bayaran secara auto-kredit **bermula 15 Mac 2021**



[www.apad.gov.my](http://www.apad.gov.my)



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)